



SKIM CEPAT KAYA

Apakah Itu Skim Cepat Kaya?

Satu skim yang menjanjikan pulangan yang tinggi hanya dengan pelaburan yang kecil.



Apakah Ciri-ciri Skim Cepat Kaya?

1. Pulangan pelaburan yang tinggi.
2. Tidak akan rugi, jaminan pulangan modal.
3. Berisiko rendah, tawaran masa terhad.
4. Mendakwa skim itu skim ternama luar negara.
5. Mendakwa skim itu dibenarkan oleh pihak berkuasa.
6. Mendakwa syarikat yang menjalankan skim adalah berdaftar dan berlesen.
7. Testimoni pelabur awal tentang kejayaan dan kemewahan yang diperolehi.
8. Membenarkan pelaburan dalam amaun yang kecil.
9. Ahli dijanjikan komisyen apabila mendapatkan rakan atau ahli keluarga untuk melabur

Apakah langkah-langkah keselamatan sebelum terkena?

1. Jangan mudah percaya dengan janji pulangan pelaburan yang lumayan.
2. Jangan dedahkan maklumat peribadi.
3. Jangan pindahkan wang anda sewenang-wenangnya.
4. Jangan lambat buat laporan polis.

Jika terjebak, anda perlu mengikut langkah-langkah berikut:

1. Keluar dari skim tersebut.
2. Laporkan dan serahkan bahan bukti kepada agensi penguatkuasaan yang berkaitan (PDRM/BUM/KPDNHEP/SC).
3. Jangan mudah terperdaya lagi!

Ingat! Skim cepat kaya berkonsep TIPU:

- T: Tidak akan rugi.
I: Indah khabar dari rupa
P: Peluang hanya sekali.
U: Untung besar.